

# Kolej Kediaman 1 Borneo jayakan program Pertandingan Reka Cipta Poster Hari Malaysia 2020

UB 20.11.2020 P.15

**KOTA KINABALU:** Kolej Kediaman 1 Borneo UMS mengambil inisiatif menyemarakkan sambutan Hari Malaysia bagi tahun 2020 melalui penganjuran program Pertandingan Reka Cipta Poster Hari Malaysia 2020.

Program ini dianjurkan oleh JAKMAS Kolej Kediaman 1 Borneo dan mendapat sambutan dari pada Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah pelbagai fakulti sebagai suatu usaha menyemarakkan sambutan Hari Malaysia bagi tahun

2020 yang bertemakan ‘Malaysia Prihatin’.

Menurut Pengarah Program pertandingan ini, Mimi Asnah, beliau menyatakan penganjuran program seperti ini bukan sahaja dapat memperbaiki kemahiran insaniah pelajar khususnya di dalam bekerjasama dengan pihak UMS serta pihak luar seperti Page Eight.

Namun dalam pada masa sama, ia juga sebagai satu usaha golongan belia di dalam memahami konteks sambutan Hari Malaysia yang diadakan setiap ta-

hun.

Di samping itu, Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Prof Madya Dr Raman Noordin sangat menggalakkan aktiviti mahasiswa terus dapat dijalankan walaupun pada ketika ini amalan Norma Baharu mendominasi di kebanyakkannya aktiviti harian manusia termasuklah mahasiswa.

Tambah beliau, ini menunjukkan mahasiswa UMS mampu mengadaptasi suasana semasa di dalam usaha menjalankan program tidak

kira walau di mana mereka berada dan ia merupakan suatu usaha yang baik dan wajar dipuji.

Keputusan pemenang pertandingan Reka Cipta Poster Malaysia 2020 ini dimenangi oleh Muhammad Adzham Fathy Abdul Halim (Tempat Pertama), Ahmad Taqiuddin Aminuddin (Tempat Kedua) dan Nadiya Jemian (Tempat Ketiga) serta tiga pemenang saguhati iaitu Dendbryn Avitus, Muhammad Luqman Yusuf Mohd Shariff dan Mohd Hanip Mazlan.